

# PERUTUSAN KHAS MENTERI PERTAHANAN TAHUN 2019

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4330-perutusan-khas-menteri-pertahanan-tahun-2019](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4330-perutusan-khas-menteri-pertahanan-tahun-2019)

KUALA LUMPUR, 10 Jan 19 - Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu telah menyampaikan Perutusan Khas Tahun 2019 bertempat di Dewan Perkasa Wisma Perwira ATM hari ini.



Dalam amanat Menteri Pertahanan, beliau menekankan beberapa teras utama iaitu Hubungan Luar dan ASEAN, Dunia Islam dan Ancaman Asimetrik, Kesiagaan Angkatan Tentera, Awam dan Veteran dan Kertas Putih Pertahanan.



Dalam majlis itu juga menyaksikan Pangkalan Udara Gong Kedak yang diwakili oleh Komander Pangkalan, Kol Rozainy bin Ahmad Rapiee @ Ahmad Rofie TUDM menerima Anugerah Pusat Tanggungjawab Terbaik Tahun 2018 bagi Program Pertahanan Udara.



Turut hadir, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin, Panglima-panglima Perkhidmatan serta warga Kementerian Pertahanan dan ATM.



